



# SIARAN MEDIA

Media Release

---

## INDEKS HARGA PENGGUNA

Consumer Price Index

(Jan 2010=100)

**OGOS 2014**

**August 2014**



**SIARAN MEDIA  
JABATAN PERANCANGAN DAN KEMAJUAN EKONOMI  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP), OGOS 2014**

---

1. Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi bulan Ogos 2014 meningkat 0.8 peratus berbanding Julai 2014.
2. Peningkatan sebanyak 8.0 peratus telah dicatatkan bagi Pakaian dan Kasut disebabkan oleh peningkatan harga bagi fabrik kain terpilih, kebanyakan pakaian, lain-lain keperluan untuk pakaian serta kasut. Perhiasan, Peralatan Isi Rumah dan Penyelenggaraan Rutin Isi Rumah meningkat sebanyak 3.0 peratus berikutan kos yang tinggi bagi kebanyakan perabot dan perhiasan rumah, tekstil isi rumah, peralatan isi rumah, barangan kaca, pinggan mangkuk dan kelengkapan isi rumah, barangan dan peralatan untuk rumah serta barangan isi rumah yang tidak tahan lama. Pengangkutan juga meningkat sebanyak 0.5 peratus disebabkan oleh peningkatan harga bagi alat ganti dan aksesori kenderaan serta perkhidmatan pengangkutan melalui udara.
3. Sementara itu, penurunan sebanyak 1.2 peratus telah dicatatkan bagi Kesihatan disebabkan oleh harga yang rendah bagi penyediaan perubatan dan ubat yang berpaten. Perhubungan mencatatkan penurunan kurang dari 0.05 peratus disebabkan oleh kos yang rendah bagi peralatan telefon dan telefaks. Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Bakar Lain juga menurun kurang dari 0.05 peratus berikutan kos yang rendah bagi barangan untuk penyelenggaraan dan pembaikan kediaman.

4. IHP bagi Ogos 2014 menurun 0.3 peratus berbanding Ogos 2013 yang mana sebahagian besarnya disebabkan oleh penurunan indeks Rekreasi dan Kebudayaan; Pengangkutan; dan Perhiasan, Peralatan Isi Rumah dan Penyelenggaraan Rutin Isi Rumah.
5. IHP ini adalah petunjuk bagi mengukur perubahan harga barangan dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa tertentu. Senarai barangan dan perkhidmatan dalam IHP adalah berasaskan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperolehi melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga. Laporan penuh IHP bagi bulan Ogos 2014 boleh didapati melalui laman web JPKE: [www.depd.gov.bn](http://www.depd.gov.bn).



**MEDIA RELEASE  
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND DEVELOPMENT  
PRIME MINISTER'S OFFICE**

**CONSUMER PRICE INDEX (CPI), AUGUST 2014**

---

1. *The Consumer Price Index (CPI) for August 2014 increased by 0.8 per cent over July 2014.*
2. *An increase of 8.0 per cent was recorded in Clothing and Footwear due to higher prices of selected clothing materials, several garments, other articles of clothing and clothing accessories as well as shoes and footwear. Furnishings, Household Equipment and Routine Household Maintenance increased by 3.0 per cent following to higher cost of furniture and furnishings, household textiles, household appliances, glassware, tableware and household utensils, tools and equipment for house as well as non-durable household goods. Transport also increased by 0.5 per cent due to higher prices of spare parts and accessories of vehicles as well as passenger transport services by air.*
3. *On the other hand, a decrease of 1.2 per cent was recorded in Health due to lower prices of medicinal preparations and patent medicines. Communication recorded a decrease less than 0.05 per cent due to lower cost of telephone and telefax equipment. Housing, Water, Electricity, Gas and Other Fuels also decreased by less than 0.05 per cent following to lower cost of materials for the maintenance and repair of the dwelling.*

4. *CPI for August 2014 decreased by 0.3 per cent compared to August 2013, largely due to lower indices of Recreation and Culture; Transport; and Furnishings, Household Equipment and Routine Household Maintenance.*
  
5. *CPI is a measure of price changes of goods and services paid by the consumer in a specified period. The list of goods and services in the CPI is based on the average expenditure per household from the Household Expenditure Survey. The CPI full report for August 2014 is available from JPKE's website: [www.depd.gov.bn](http://www.depd.gov.bn).*